

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji. Data-data diperolehi menerusi analisis kandungan terhadap terjemahan makna perintah. Analisis ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- 1- Analisis persamaan makna perintah di antara Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman dengan Terjemahan Fi Zilal Al-Quran,
- 2- Analisis perbezaan makna perintah di antara kedua-dua terjemahan itu, dan
- 3- Analisis ketepatan terjemahan makna perintah.

Secara ringkasnya, analisis persamaan dan perbezaan itu dilakukan dengan menyenaraikan semua data kajian dalam bentuk jadual. Manakala bagi analisis ketepatan makna perintah, data diperolehi daripada soal selidik yang dijalankan ke atas sepuluh orang pakar bahasa. Kemudian, data-data daripada soal selidik itu dianalisis mengikut nilai kekerapan yang berlaku supaya tahap ketepatan makna perintah dapat dinilai.

Dengan itu, berikut adalah dapatan kajian yang telah diperolehi daripada data-data dalam kajian ini.

#### 4.1 Persamaan di antara TPAR dengan TFZQ

Persamaan makna perintah yang wujud di antara Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman dan Terjemahan Fi Zilal Al-Quran akan dibincangkan mengikut kategori masing-masing. Ini akan menjawab persoalan kajian yang pertama. Analisis ini dimulakan dengan Fi'l Amr.

##### 4.1.1 Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr

Fi'l Amr pula dipecahkan mengikut jumlah huruf yang ada pada kata kerja itu. Pecahan-pecahan itu ialah Fi'l Thulathi (tiga huruf), Fi'l Ruba'I (empat huruf), Fi'l Khumasi (lima huruf) dan Fi'l Sudasi (enam huruf). Maka analisis pertama dimulakan dengan Fi'l Thulathi.

##### 4.1.1 (a) Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Thulathi

Fi'l Amr Thulathi ialah kata kerja perintah yang terbina daripada tiga huruf. Tiga huruf ini dapat dilihat pada kata kerja lampau (fi'l madhi) yang merupakan kata dasar sesuatu perkataan. Berikut adalah persamaan penterjemahan fi'l amr thulathi.

**Jadual 1: Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Thulathi**

Bil.	Fi'l Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	أَدْعُوا	Panggillah	panggillah	23
2	أَسْكُنْ	Tinggallah	Tinggallah	35
3	كُلَا	Makanlah	makanlah	35
4	إهْبِطُوا	Turunlah kamu	Turunlah kamu	36, 38

5	ارْكَعُوا	Rukuklah	Ruku'lah	43
6	ادْخُلُوا	Masuklah kamu	Masuklah kamu	58
7	كُلُوا	Makanlah	Makanlah	58, 60, 168, 172, 187
8	اضْرِبْ	Pukullah	Pukullah	60
9	اشْرَبُوا	Minumlah	Minumlah	60, 187
10	كُونُوا	Jadilah kamu	Jadilah kamu	65
11	افْعَلُوا	Kerjakanlah	kerjakanlah	68
12	اضْرِبُوا	Pukulah	Pukulah	73
13	قُلْ	Katakanlah	Katakanlah	80, 93, 94, 97, 111, 120, 139, 140, 142, 189
14	اسْمَعُوا	Dengarlah	dengarlah	93
15	قُولُوا	Katakanlah	Katakanlah	104, 136
16	كُنْ	Jadilah	Jadilah	117
17	اجْعَلْ	Jadikanlah	jadikanlah	126, 128
18	تُبْ	Terimalah taubat	Terimalah taubat	128
19	اشْكُرُوا	Bersyukurlah	bersyukurlah	152, 172
20	اقْتُلُوا	Bunuhlah	bunuhlah	191
21	اعْلَمُوا	Ketahuilah	ketahuilah	194, 196, 203, 209, 223, 231, 233, 235, 244, 267
22	ادْخُلُوا	Masuklah	masuklah	208

23	آتُوا	Datangilah	datangilah	222, 223
24	قُومُوا	Berdirilah	berdirilah	238
25	مُوتُوا	Matilah kamu	Matilah kamu	243
26	خُذْ	Ambillah	ambillah	260
27	إِعْلَمْ	Ketahuiilah	ketahuiilah	260
28	ذَرُوا	Tinggalkanlah	tinggalkanlah	278
29	أَذْنُوا	Ketahuiilah	ketahuiilah	279

Jadual 1 menunjukkan persamaan yang terdapat pada terjemahan kedua-dua tafsir Al-Quran itu. Persamaan itu dilihat daripada aspek makna perintah bagi kata kerja perintah Thulathi. Secara keseluruhannya, kata kerja ini diterjemahkan mengikut makna asal bagi perkataan-perkataan itu. Kedua-dua kitab ini menggunakan pendekatan yang sama iaitu mengekalkan makna tanpa mengubah bentuk asal perkataan bagi menterjemahkan kata kerja perintah thulathi. Tambahan pula, kata kerja perintah yang berulang-ulang dalam surah Al-Baqarah itu juga diterjemahkan dengan menggunakan perkataan yang sama.

Contoh yang dapat dilihat ialah pada perkataan “قُلْ” yang membawa makna katakanlah.

Dalam surah Al-Baqarah, ada banyak tempat yang menggunakan terjemahan ini.

Antaranya ialah:

(Al-Baqarah: 80)

... قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ تُخْلَفَ اللَّهُ عَهْدَهُ ... ﴿٨٠﴾

**TPAR: 80. ... Katakanlah (Wahai Muhammad): "Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janjinya, ...**

**TFZQ: ... Katakanlah: Apakah kamu telah mengikat perjanjian di sisi Allah, maka kerana itu Allah tidak akan memungkiri janjinya, ...**

(Al-Baqarah: 111)

قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٨٠﴾

**TPAR: 111. ... Katakanlah (Wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan Yang (membuktikan kebenaran) apa Yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang Yang benar".**

**TFZQ: ... Katakanlah: Bawalah hujah-hujah kamu jika kamu benar.**

(Al-Baqarah: 120)

.... قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ ... ﴿١٢٠﴾

**TPAR: 120. ... Katakanlah (kepada mereka): "Sesungguhnya petunjuk Allah (ugama Islam itulah petunjuk Yang benar)". ...**

**TFZQ: ... Katakanlah: Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar, ...**

Manakala, bagi perkataan "اعلموا" juga dikekalkan persamaannya itu pada ayat-ayat lain dalam

surah Al-Baqarah. Antaranya ialah :

(Al-Baqarah: 196)

..... وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾

**TPAR: 196. .... dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahawasanya Allah Maha berat balasan seksanya (terhadap orang-orang Yang melanggar perintahNya).**

**TFZQ: .... dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah amat berat balasan seksanya.**

(Al-Baqarah: 203)

*TPAR: 203. .... dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah Sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadaNya.*

*TFZQ:, .... Dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepadanya.*

Kesimpulannya, terdapat sebanyak 29 persamaan pada terjemahan fi'l amr thulathi di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ. Kesemuanya di terjemahkan secara kata per kata.

#### 4.1.1 (b) Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Ruba'i

Fi'l Amr Ruba'i ialah kata kerja perintah yang terdiri daripada empat huruf. Ia terbina daripada kata kerja lampau empat huruf (fi'l madhi ruba'i) yang terdiri daripada tiga bentuk iaitu *فَاعَلَ*, *فَعَّلَ*, dan *أَفْعَلَ*. Berikut adalah persamaan penterjemahan pada fi'l amr ruba'i.

**Jadual 2: Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Ruba'i**

Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	ءَامِنُوا	Berimanlah kamu	Berimanlah kamu	13, 41, 91
2	أَنبِئُوا	Terangkanlah	Terangkanlah	31, 33
3	أَوْفُوا	Sempurnakanlah	Sempurnakanlah	40
4	أَقِيمُوا	Dirikanlah	Dirikanlah	43, 83, 110
5	طَهَّرُوا	Bersihkanlah	bersihkanlah	125
6	أَتِمُّوا	Sempurnakanlah	sempurnakanlah	187
7	أَخْرِجُوا	Usirlah	usirlah	191

8	فَاتِلُوا	Perangilah	perangilah	193
9	أَنْفِقُوا	Belanjakanlah	belanjakanlah	195
10	أَفِيضُوا	Hendaklah kamu bertolak	Hendaklah kamu bertolak	199
11	قَدِّمُوا	sediakanlah	sediakanlah	223
12	أَمْسِكُوا	Bolehlah kamu pegang	Bolehlah kamu pegang	231
13	حَافِظُوا	peliharalah	peliharalah	238
14	فَاتِلُوا	berperanglah	berperanglah	244
15	أَشْهِدُوا	Adakanlah saksi	Adakanlah saksi	282

Persamaan antara TPAR dengan TFZQ yang terdapat pada terjemahan kata kerja perintah ruba'i dapat dilihat dalam jadual 2. Antara bentuk kata kerja ruba'i yang digunakan dalam surah ini ialah أَفْعَلٌ , فَاعِلٌ , dan فَعَّلَ . Jika dilihat dari sudut semantik, ketiga-tiga bentuk kata kerja ini memiliki pola makna yang tertentu. Antara makna yang biasa digunakan pada kata kerja ruba'i ialah *at-ta'diah*. Kedua-dua terjemahan ini menggunakan pola makna yang sama bagi kata kerja perintah ruba'i ini. Contoh yang dapat dilihat adalah seperti dalam ayat yang ke-41 dan ke-13 dalam surah Al-Baqarah di bawah:

﴿٤١﴾ وَءَامِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ ...

**TPAR:** 41. dan berimanlah kamu Dengan apa Yang Aku turunkan (Al-Quran) Yang mengesahkan benarnya Kitab Yang ada pada kamu, ...

**TFZQ:** dan berimanlah kepada kitab yang telah Ku turunkan (al-Quran) yang mengesahkan kitab yang ada pada kamu ...

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ ... ﴿١٣﴾

**TPAR:** 13. dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". ...

**TFZQ:** dan apabila mereka diseur "berimanlah kamu sebagaimana berimannya orang-orang yang lain", ...

Begitu juga bagi perkataan "أَقِيمُوا" dalam ayat-ayat di bawah. Perkataan itu diterjemahkan

kepada "dirikanlah" oleh penterjemah-penterjemah tersebut. Ini menunjukkan persamaan yang ada di antara keduanya. Contohnya adalah seperti berikut:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَارْكُعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

**TPAR:** 43. dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang Yang rukuk.

**TFZQ:** dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan ruku'lah bersama-sama orang-orang yang ruku'.

.... وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ ... ﴿٨٣﴾

**TPAR:** 83. ... dan Katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan Yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". ...

**TFZQ:** ... dan ucapkanlah kata-kata yang baik kepada orang ramai, dan dirikanlah solat dan tunaikan zakat, ...

Kesimpulannya, terdapat sebanyak 15 persamaan penterjemahan fi'l amr ruba'i di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ. Masing-masing menggunakan perkataan bahasa Melayu yang sama dalam terjemahan makna perintah bahasa Arab itu.

#### 4.1.1 (c) Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Khumasi

Fi'l Amr Khumasi ialah kata kerja perintah yang terdiri daripada lima huruf. Ia terbina daripada beberapa bentuk kata kerja lampau lima huruf (fi'l madhi khumasi) iaitu *اِنْتَعَلَ*, *اِنْفَعَلَ*, *تَفَعَّلَ*, dan *تَفَاعَلَ*. Berikut adalah persamaan penterjemahan fi'l amr khumasi.

**Jadual 3: Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Khumasi**

Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	اِتَّقُوا	peliharalah	peliharalah	24, 48, 281
2	اِخْتَدُوا	Jadikanlah	jadikanlah	125
3	تَقَبَّلَ	Terimalah	Terimalah	127
4	اسْتَبَقُوا	Berlumba-lumbalah	Berlumba-lumbalah	148
5	اِتَّقُوا	bertaqwalah	bertaqwalah	189, 194, 197, 223, 231, 233, 278
6	اِتَّقِ	bertaqwalah	bertaqwalah	206
7	اِتَّقُوا	Hendaklah kamu bertaqwa	Hendaklah kamu bertaqwa	282

Jadual 3 menunjukkan persamaan yang ada di antara kedua-dua terjemahan dari segi kata kerja perintah khumasi. Persamaan itu dapat dilihat pada beberapa perkataan. Antaranya ialah perkataan “اِتَّقُوا” yang diterjemahkan dalam beberapa bentuk bagi setiap ayat yang mengandungi perkataan itu. Bentuk-bentuk itu pula sama di antara kedua-dua terjemahan tersebut. Antara bentuk terjemahan itu ialah “peliharalah”, “bertaqwalah”, dan “hendaklah kamu bertaqwa”. Contoh bagi terjemahan-terjemahan itu ialah seperti di bawah:

Makna “peliharalah”:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَكِنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

**TPAR:** 24. maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka Yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) Yang disediakan untuk orang-orang kafir.

**TFZQ:** dan jika kamu tidak dapat membuatnya dan tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api Neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang disediakan untuk orang kafir. (Al-Baqarah: 24)

وَأَتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْرِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا ... ﴿٤٨﴾

**TPAR:** 48. dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), Yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari balasan azab), ...

**TFZQ:** dan peliharakanlah diri kamu dari (azab) hari yang tiada seorang pun dapat membela sesuatu kesalahan orang lain,... (Al-Baqarah: 48)

...وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

**TPAR:** 282. ... oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

**TFZQ:** .... Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan (ingatlah) Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (Al-Baqarah: 282)

Makna “bertaqwalah”:

...وَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

**TPAR:** 194. ... dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah beserta orang-orang Yang bertaqwa.

**TFZQ:** ... dan bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahawa Allah itu bersama orang-orang yang bertaqwa. (Al-Baqarah: 194)

..... وَتَزُودُوا فَاِزْبَ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

**TPAR:** 197. .... dan hendaklah kamu membawa bekal Dengan cukupnya kerana Sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah);

dan bertaqwalah kepadaKu Wahai orang-orang Yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).

**TFZQ:** .... Dan hendaklah kamu mengadakan bekal, dan sebaik-baik bekal itu ialah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal. (Al-Baqarah: 197)

Kesimpulannya, terdapat sebanyak tujuh persamaan pada terjemahan fi'l amr khumasi di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ. Kebanyakan daripada fi'l amr khumasi ini berasal daripada perkataan “اتَّقَى”.

#### 4.1.1 (d) Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Sudasi

Fi'l Amr Sudasi ialah kata kerja perintah yang terbina daripada enam huruf. Dalam data kajian ini, hanya ada satu bentuk fi'l amr sudasi iaitu اسْتَفْعَلْ . Berikut adalah persamaan penterjemahan fi'l amr sudasi.

**Jadual 4: Persamaan Penterjemahan Fi'l Amr Sudasi**

Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	اسْتَشْهَدُوا	Hendaklah kamu mengadakan saksi	Hendaklah kamu mengadakan saksi	282

Jadual 4 menunjukkan persamaan di antara dua terjemahan yang dikaji yang dilihat dari bentuk Fi'I Amr Sudasi. Kedua-dua terjemahan ini menggunakan perkataan yang sama bagi menterjemahkan perkataan “اسْتَشْهَدُوا” iaitu “hendaklah kamu mengadakan saksi”. Terjemahan ini merupakan terjemahan berlebihan jika dilihat dari jenis terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1981). Hal ini menunjukkan kedua-dua penterjemah bagi kitab-kitab terjemahan Al-Quran itu menggunakan pendekatan

terjemahan yang sama bagi menterjemahkan perkataan Fi'I Amr Sudasi ini. Contohnya adalah seperti dalam ayat berikut:

..... وَأَسْتَشْهَدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رَجَالِكُمْ ..... ٤

**TPAR:** 282. ... dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu...

**TFZQ:** .....dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu, ..... (Al-Baqarah: 282)

Kesimpulannya, hanya terdapat satu persamaan di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ dalam menterjemahkan fi'l amr sudasi. Kata kerja itu ialah "أَسْتَشْهَدُوا" yang berasal daripada perkataan "شَهِدَ".

#### 4.1.2 Persamaan Penterjemahan La An-Nahiyatt

La An-Nahiyatt merupakan satu perkataan yang membawa makna nafi atau tidak. Tetapi jika kata kerja kala kini (fi'l mudhari') di datangkan bersama-samanya, ia berubah menjadi makna larangan. Ini termasuk dalam kategori makna perintah yang membawa maksud larangan. Berikut adalah persamaan penterjemahan La An-Nahiyatt.

**Jadual 5: Persamaan Penterjemahan La An-Nahiyatt**

Bil.	La An-Nahiyatt	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	لَا تَجْعَلُوا	Janganlah kamu mengadakan	Janganlah kamu mengadakan	22
2	لَا تُقْرَبَا	Janganlah kamu hampiri	Janganlah kamu hampiri	35

3	لَا تَكُونُوا	Janganlah kamu menjadi	Janganlah kamu menjadi	41
4	لَا تَشْتَرُوا	Janganlah kamu membeli	Janganlah kamu membeli	41
5	لَا تَكْفُرْ	Janganlah engkau menjadi kafir	Janganlah engkau jadi kafir	102
6	لَا تَمُوتُنَّ	Janganlah kamu mati	Janganlah kamu mati	132
7	لَا تَكُونَنَّ	Jangan sekali-kali engkau termasuk	Janganlah sekali-kali engkau termasuk	147
8	لَا تَخْشَوْا	Janganlah kamu takut	Janganlah takut	150
9	لَا تَكْفُرُونَ	Janganlah kamu kufur	Janganlah kamu kufur	152
10	لَا تَقُولُوا	Janganlah kamu mengatakan	Janganlah kamu mengatakan	154
11	لَا تَأْكُلُوا	Janganlah kamu makan	Janganlah kamu makan	188
12	لَا تَعْتَدُوا	Janganlah kamu menceroboh	Janganlah kamu menceroboh	190
13	لَا تُفَاتِلُوا	Janganlah kamu memerangi	Janganlah kamu memerangi	191
14	لَا تَتَّبِعُوا	Janganlah kamu menurut	Janganlah kamu menurut	208
15	لَا تَنْكِحُوا	Janganlah kamu berkahwin	Janganlah kamu berkahwin	221
16	لَا تَنْكِحُوا	Janganlah kamu kahwinkan	Janganlah kamu kahwinkan	221
17	لَا تَجْعَلُوا	Janganlah kamu jadikan	Janganlah kamu jadikan	224
18	لَا تَعْتَدُوا	Janganlah kamu melanggar	Janganlah kamu melanggar	229
19	لَا تَمْسِكُوا	Janganlah kamu pegang	Janganlah kamu pegang	231

20	لَا تَتَّخِذُوا	Janganlah kamu menjadikan	Janganlah kamu menjadikan	231
21	لَا يَبْخَسْ	Janganlah ia mengurangkan	Janganlah ia mengurangkan	282
22	لَا تَكْتُمُوا	Janganlah kamu menyembunyikan	Janganlah kamu menyembunyikan	283
23	لَا تَحْمِلْ	Janganlah Engkau bebankan	Janganlah Engkau bebankan	286

Jadual 5 menunjukkan persamaan yang wujud di antara dua terjemahan Al-Quran dari sudut penggunaan La An-Nahiyatt. Secara keseluruhannya, terjemahan yang digunakan adalah terjemahan secara langsung yang mengikut makna asal bagi perkataan selepas La An-Nahiyatt itu iaitu fi'l mudari'. La An-Nahiyatt diterjemahkan kepada bahasa Melayu menjadi “janganlah”. Perkataan ini adalah perkataan yang paling tepat untuk menterjemahkan perkataan “لَا” dalam ayat-ayat tersebut. Manakala bagi fi'l mudari' yang datang bersama La An-Nahiyatt pula diterjemahkan mengikut makna kata itu sendiri yang di dahului dengan perkataan “janganlah”. Contoh ayat-ayat dari surah Al-Baqarah dapat dilihat seperti berikut:

(Al-Baqarah: 22)

... فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أُنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

**TPAR:** 22. ... maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).

**TFZQ:** ... oleh itu, janganlah kamu mengadakan tandingan-tandingan bagi Allah, sedangkan kamu mengetahui.

(Al-Baqarah: 35)

... وَلَا تَقْرَبُوا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونُوا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

*TPAR: 35. ... dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang Yang zalim''.*

*TFZQ: ... tetapi janganlah kamu hampiri pokok ini nanti akibatnya kamu berdua termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim.*

(Al-Baqarah: 41)

... وَلَا تَكُونُوا أُولَٰ كَافِرٍ بِمِ ۖ وَلَا تَشْتَرُوا بِعَآيَتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِنِّي فَآتُتُونِ ﴿٤١﴾

*TPAR: 41. ... dan janganlah kamu menjadi orang-orang Yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan Yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa.*

*TFZQ: ... dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama mengingkarkannya dan janganlah kamu membeli ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku sahaja.*

Kesimpulannya, terdapat 23 persamaan yang wujud di antara kedua-dua kitab terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu tersebut. Kesemuanya bergantung kepada fi'l mudhari' yang datang selepasnya yang merupakan pelengkap kepada La An-Nahiyatt.

#### **4.1.3 Persamaan Penterjemahan Ism Fi'l Makna Perintah**

Ism Fi'l ialah kata nama yang berfungsi seperti kata kerja. Ia terdiri daripada pelbagai bentuk. Namun begitu, hanya satu bentuk sahaja yang menjadi data kajian ini iaitu عَلَيْكَ . Berikut adalah persamaan penterjemahan ism fi'l tersebut.

**Jadual 6: Persamaan Penterjemahan Ism Fi'l makna perintah**

Bil.	Ism Fi'l	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	كُتِبَ عَلَيْكُمْ	Kamu diwajibkan	Kamu diwajibkan	183, 216, 246

Jadual 6 menunjukkan persamaan yang wujud di antara kedua-dua terjemahan Al-Quran itu dari segi perkataan Ism Fi'l yang membawa makna perintah. Hanya satu bentuk makna sahaja yang dikongsi oleh kedua-dua terjemahan itu. Makna itu pula meliputi tiga ayat dalam surah Al-Baqarah. Dalam ketiga-tiga ayat yang menggunakan perkataan “كُتِبَ عَلَيْكُمْ” itu, terjemahan yang digunakan ialah “kamu diwajibkan”. Ayat-ayat ini merupakan ayat-ayat hukum yang membawa hukum-hakam dalam syariah Islam. Contoh ayat-ayat itu adalah seperti berikut:

(Al-Baqarah: 183)

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلٰى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ ﴿١٨٣﴾

**TPAR:** 183. *Wahai orang-orang Yang beriman! kamu Diwajibkan berpuasa sebagaimana Diwajibkan atas orang-orang Yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

**TFZQ:** *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana ia diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu dari kamu supaya kamu bertaqwa.*

(Al-Baqarah: 216)

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ ... ﴿٢١٦﴾

**TPAR:** 216. *kamu Diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara Yang kamu benci; ...*

**TFZQ:** *Kamu telah diwajibkan berperang, sedangkan peperangan ini tidak disukai kamu, ...*

Kesimpulannya, hanya terdapat satu persamaan di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ dalam kategori ini iaitu Ism Fi'l makna perintah. Kedua-dua penterjemah bersepakat untuk menggunakan terjemahan “kamu diwajibkan” bagi perkataan ini.

#### 4.1.4 Persamaan Penterjemahan La Al-Amr

La Al-Amr ialah huruf Lam yang hadir bersama kata kerja kala kini (fi'l mudhari'). Huruf Lam ini membawa makna perintah dan ditulis secara bersambung dengan fi'l mudhari'. Berikut adalah persamaan penterjemahan La Al-Amr.

**Jadual 7: Persamaan Penterjemahan La Al-Amr**

Bil.	La Al-Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	فَلْيَصُمْهُ	Maka hendaklah ia berpuasa	Maka hendaklah ia berpuasa	185
2	وَلْيُؤْمِنُوا	Dan hendaklah mereka beriman	Dan hendaklah mereka beriman	186
3	وَلْيُمْلِلِ	Hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan	Hendaklah orang yang berhutang merencanakan	282
4	وَلْيَتَّقِ	Hendaklah ia bertaqwa	Hendaklah ia bertaqwa	282, 283

Jadual 7 menunjukkan persamaan yang dikongsi oleh kedua-dua terjemahan AL-Quran itu pada La Al-Amr yang diselangi dengan fi'l mudari'. Apabila La Al-Amr ini didatangkan dengan fi'l mudari', maka ia membawa makna perintah sebagaimana yang dijelaskan dalam aspek Nahwu. Di dalam jadual di atas, terjemahan yang digunakan adalah terjemahan berlebihan memandangkan kedua-duanya menggunakan perkataan

“hendaklah” di hadapan ayat. Secara lazimnya, La Al-Amr digunakan ketika suruhan berlaku kepada pihak ketiga iaitu “الْعَائِبُ”. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam ayat yang lengkap seperti di bawah:

(Al-Baqarah: 185)

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ ... ﴿١٨٥﴾

**TPAR: 185.** ... oleh itu, sesiapa dari antara kamu Yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; ...

**TFZQ:** ... oleh itu barang siapa di antara kamu melihat anak bulan Ramadhan, maka hendaklah ia berpuasa di bulan itu, ...

(Al-Baqarah: 186)

... فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ۖ ﴿١٨٦﴾

**TPAR: 186.** ... maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.

**TFZQ:** ... oleh itu hendaklah mereka menyambut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat jalan yang benar.

Kesimpulannya, terdapat empat persamaan di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ dalam kategori ini. Kesemua ayat-ayat yang mengandungi La Al-Amr ini diterjemahkan oleh kedua-dua penterjemah dengan menggunakan terjemahan bahasa Melayu yang sama.

## 4.2 Perbezaan Penterjemahan di antara TPAR dengan TFZQ

Dalam bahagian ini, perbezaan di antara kedua-dua terjemahan ini akan dibincangkan mengikut kategori yang telah diterangkan sebelum ini. Ini akan menjawab persoalan kajian yang kedua. Bahagian ini akan dimulakan dengan perbezaan pada Fi'l Amr Thulathi.

### 4.2.1 Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr

Perbezaan Fi'l Amr ini akan dibentangkan mengikut bilangan huruf yang terbina daripadanya iaitu fi'l amr thulathi, fi'l amr ruba'i, fi'l amr khumasi dan fi'l amr sudasi. Perbezaan ini dimulakan dengan perbezaan penterjemahan fi'l amr thulathi.

#### 4.2.1 (a) Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Thulathi

Perbezaan ini akan dilihat daripada perbezaan perkataan yang digunakan dalam terjemahan bahasa Melayu bagi kedua-dua kitab tafsir ini. Perbezaan ini dikhususkan kepada kata kerja perintah yang terdiri daripada tiga huruf. Berikut adalah perbezaan penterjemahan fi'l amr thulathi.

**Jadual 8: Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Thulathi**

Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	أَعْبُدُوا	Beribadatlah	Sembahlah	21
2	فَاتُوا	Cubalah buat dan datangkanlah	bawalah	23

3	أَسْجُدُوا	Tunduklah	Sujudlah	34
4	أَذْكُرُوا	Kenangkanlah	Kenangilah	40, 47, 122, 231
5	ارْهَبُوا	Hendaklah kamu merasa gerun takut	takutlah	40
6	تُوبُوا	Bertaubatlah	Taubatlah	54
7	كُلُوا	Makanlah	Silalah makan	57
8	قُولُوا	Berkata	Berdoalah	58
9	أَدْعُ	Pohonkanlah	Pohonlah	61, 68, 69, 70
10	إِهْبِطُوا	Turunlah	Masuklah	61
11	خُدُوا	Terimalah	Peganglah	63
12	أَذْكُرُوا	Ingatlah	Ingatilah	63, 152
13	قُولُوا	Katakanlah	ucapkanlah	83
14	قُلْ	Katakanlah	Tanyalah	91
15	خُدُوا	Ambilah	Pegangilah	93
16	اسْمَعُوا	dengarlah	patuhilah	104
17	اعْفُوا	maafkanlah	maafkan	109
18	اصْفَحُوا	biarkanlah	ampunkan	109
19	أَرْزُقْ	Berikanlah rezeki	Kurniakanlah rezeki	126
20	إِيعِثْ	Utuslah	Bangkitkanlah	129
21	كُونُوا	Jadilah	Hendaklah kamu anuti	135

22	قُلْ	Katakanlah	Jawablah	135, 215, 217, 219, 220, 222
23	وَلِّ	palingkanlah	hadapilah	144
24	وَلُّوا	hadapkanlah	halakanlah	144, 150
25	وَلِّ	hadapkanlah	halakanlah	149, 150
26	إِخْشَوْا	takutlah	Hendaklah kamu takut	150
27	أَتُوا	masuklah	memasuki	189
28	أَذْكُرُوا	sebutlah	Hendaklah kamu berzikir	198
29	أَذْكُرُوا	Ingatlah dengan menyebutnya	berzikirlah	198
30	أَذْكُرُوا	Hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati	Hendaklah kamu menyebut-nyebut	200
31	قِ	peliharalah	lindungkan	201
32	أَذْكُرُوا	sebutlah	berzikirlah	203
33	سَلِّ	bertanyalah	tanyakanlah	211
34	إِخْذَرُوا	Beringat-ingatlah	Hendaklah kamu takutinya	235
35	أَذْكُرُوا	Hendaklah kamu mengingati	Hendaklah kamu menyebut	239
36	إِئْتِ	Lantiklah	Angkatkanlah	246
37	أَنْصُرْ	menangkanlah	Tolonglah kami mengalahkan	250
38	أَتِ	terbitkanlah	bawalah	258
39	أَنْظُرْ	perhatikanlah	lihatlah	259

40	صُرِّ	kumpulkanlah	jinakkan	260
41	إِجْعَلْ	letakkanlah	letakkan	260
42	أَدْعُ	serulah	panggillah	260
43	اُكْتُبُوا	Hendaklah kamu menulis	Hendaklah kamu catatkannya	282
44	أَعْفُ	maafkanlah	maafkan	286
45	إِعْفِرْ	ampunkanlah	ampunkan	286
46	ارْحَمْ	Berilah rahmat	rahmatkan	286
47	انصُرْ	Tolonglah kami untuk mencapai kemenangan	Tolonglah kami mengalahkan	286

Dalam jadual 8 di atas menunjukkan perbezaan terjemahan di antara dua terjemahan yang dikaji. Dalam aspek Fi'l Amr Thulathi ini, perbezaan itu dapat dilihat dari tiga bentuk. Bentuk yang pertama ialah ketiadaan partikel “lah” di akhir perkataan makna perintah. Dalam bahasa Melayu, partikel “lah” memainkan peranan yang penting bagi menunjukkan makna perintah dalam kata kerja itu seperti “tulislah”. Maka, partikel ini telah membezakan di antara dua terjemahan yang dikaji sebagai mana yang tercatat dalam jadual 8 di atas. Contohnya adalah seperti di dalam ayat yang ke-109 dari surah Al-Baqarah pada perkataan “أَعْفُوا”:

... فَأَعْفُوا وَأَصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠٩﴾

**TPAR:** 109. ... oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintahNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

**TFZQ:** ... Oleh itu, maafkan mereka dan ampunkan mereka hingga Allah menurunkan perintah mengenainya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu.

Bentuk yang kedua pula ialah dapat dilihat dari aspek kelembutan dalam perintah. Kebiasaannya, kategori ini termasuk dalam terjemahan berlebihan atau terjemahan semantik yang telah diperkenalkan oleh Newmark (1981). Ini kerana aspek kelembutan dalam perintah itu ditunjukkan melalui penambahan perkataan di hadapan perkataan asal seperti “silalah”. Contohnya adalah seperti yang terdapat dalam ayat yang ke-57 di bawah:

... كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ... ﴿٥٧﴾

**TPAR:** 57. ... "Makanlah dari makanan-makanan Yang baik Yang Kami telah kurniakan kepada kamu". ...

**TFZQ:** ... "Silalah makan makanan-makanan yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu"...

Manakala, bentuk yang ketiga ialah dapat dilihat dari sudut terjemahan komunikatif dan terjemahan semantik. Dalam jadual 8 di atas, TPAR menggunakan terjemahan semantik atau berlebihan dalam menterjemahkan perkataan “فَاتُوا” berbanding TFZQ yang menggunakan terjemahan secara komunikatif atau berkurangan. Contohnya adalah seperti dalam ayat yang ke-23 di bawah:

... فَاتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

**TPAR:** 23. ... maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah Yang sebanding Dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang Yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang Yang benar.

**TFZQ:** ...maka bawalah satu surah yang serupa dengannya dan panggilah saksi-saksi kamu selain dari Allah jika kamu benar.

Kesimpulannya, inilah di antara bentuk-bentuk perbezaan yang timbul di antara kedua-dua terjemahan tersebut. Terdapat 47 perbezaan yang wujud dalam kategori Fi'l Amr Thulathi ini.

#### 4.2.1 (b) Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Ruba'i

Perbezaan ini dibentangkan melalui terjemahan kata kerja perintah yang terbina daripada empat huruf. Perbezaan ini dilihat daripada penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam menterjemahkan fi'l amr ruba'i. Berikut adalah perbezaan-perbezaan tersebut.

**Jadual 9: Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Ruba'i**

Bil.	Fi'l Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	بَشِّرْهُ	Berilah khabar gembira	Sampaikanlah berita gembira	25, 155, 223
2	ءَاتُوا	Keluarkanlah	Tunaikanlah	43, 83
3	ءَاتُوا	tunaikanlah	keluarkanlah	110
4	أَرِ	tunjukkanlah	tunjukkan	128
5	أَسْلِمِ	Serahkanlah diri	Islamlah	131
6	بَاشِرُوا	Setubuhilah	Lakukanlah hubungan kelamin	187
7	فَاتِلُوا	perangilah	Hendaklah kamu memerangi	190
8	أَحْسِنُوا	baikilah	Lakukanlah amalan yang baik	195
9	أَعْمُوا	sempurnakanlah	Hendaklah kamu sempurnakan	196
10	ءَاتِ	berilah	kurniakanlah	200, 201
11	سَرِّحُوا	lepaskan	melepaskan	231

12	مَتَّعُوا	Hendaklah kamu memberi “Mut’ah”	Hendaklah kamu memberi bayaran saguhati	236
13	أَفْرَغْ	Limpahkanlah	curahkanlah	250
14	بَيِّتْ	teguhkanlah	Kukuhkan	250
15	أَنْفِقُوا	Sebarkanlah	Belanjakanlah	254
16	أَرِ	perlihatkanlah	tunjukkan	260
17	أَنْفِقُوا	belanjakanlah	Infaqkanlah	267

Dalam jadual 9 di atas menunjukkan perbezaan di antara dua terjemahan yang dilihat pada Fi'l Amr Ruba'i. Perbezaan-perbezaan itu dapat dilihat daripada beberapa aspek. Aspek yang pertama ialah terjemahan komunikatif dan terjemahan semantik. Terjemahan komunikatif ialah terjemahan yang lebih mementingkan struktur bahasa sumber dan biasanya ia mengamalkan terjemahan secara berkurangan. Manakala terjemahan semantik pula lebih mementingkan kepada makna yang ingin disampaikan kepada pembaca. Biasanya ia mengamalkan terjemahan secara berlebihan. Jika dilihat secara keseluruhan, kebanyakan terjemahan dari TPAR menggunakan pendekatan terjemahan komunikatif pada Fi'l Amr Ruba'i ini, manakala TFZQ pula menggunakan pendekatan terjemahan semantik. Ini dapat dilihat dalam beberapa perkataan makna perintah dalam jadual 9 di atas. Antaranya perkataan “قَاتِلُوا”, “أَحْسِنُوا” dan “أَنْفِقُوا”.

Contoh yang pertama ialah seperti di dalam ayat yang ke-190:

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا ... ﴿١٩٠﴾

*TPAR: 190. dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) ugama Allah akan orang-orang Yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); ...*

**TFZQ:** dan hendaklah kamu memerangi demi Sabilullah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh, ...

Manakala bagi perkataan yang kedua pula adalah seperti di dalam ayat yang ke-195:

وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

**TPAR:** 195. ... dan baikilah (dengan sebaik-baiknya Segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.

**TFZQ:** ... dan lakukanlah amalan yang baik, sesungguhnya Allah kasihkan orang-orang yang melakukan amalan baik.

Perkataan yang ketiga pula diterjemahkan sebagai “sebarikanlah” oleh TPAR walaupun makna asal bagi perkataan itu ialah “Infaq”. Ini menunjukkan terjemahan komunikatif lebih mementingkan fungsi dan mesej yang ingin disampaikan. Contohnya adalah seperti di bawah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِي يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ... ﴿٢٥٤﴾

**TPAR:** 254. Wahai orang-orang Yang beriman! Sebarikanlah sebahagian dari apa Yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) Yang tidak ada jual-beli padanya, ...

**TFZQ:** Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (di jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami kurniakan kepada kamu sebelum tibanya hari yang tiada lagi jual-beli, ...

Kesimpulannya, di dalam kategori Fi'l Amr Ruba'I ini, TPAR lebih cenderung menggunakan pendekatan terjemahan komunikatif berbanding TFZQ yang cenderung menggunakan pendekatan semantik.

#### 4.2.1 (c) Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Khumasi

Perbezaan ini dilihat dari terjemahan kata kerja perintah yang terbina daripada lima huruf. Terjemahan-terjemahan itu pula dilihat dari sudut penggunaan perkataan

bahasa Melayu di dalam kedua-dua kitab tafsir tersebut. Berikut adalah perbezaan-perbezaan yang dikenal pasti.

**Jadual 10: Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Khumasi**

Bil.	Fi'l Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	اتَّقُوا	Hendaklah kamu bertaqwa	Bertaqwalah	41, 196, 203
2	تَمَنَّا	cita-citakanlah	hendaklah kamu bercita-cita	94
3	اتَّقُوا	peliharalah	takutilah	123
4	اتَّبِعُوا	Turutlah	Ikutilah	170
5	اِتَّبِعُوا	Carilah	Carilah keni'matan	187
6	اعْتَدُوا	Balасlah pencerobohnya	Balасlah dengan pencerobohan	194
7	تَزَوَّدُوا	Hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya	Hendaklah kamu mengadakan bekal	197
8	اعْتَزِلُوا	Hendaklah kamu menjauhkan diri	jauhilah	222

Jadual 10 menunjukkan perbezaan terjemahan TPAR dengan TFZQ pada Fi'l Amr Khumasi. Pada Fi'l Amr Khumasi ini, perbezaan-perbezaan itu hanya tertumpu kepada pendekatan terjemahan yang digunakan sama ada berlebihan atau berkurangan. Jika dilihat pada kata asal bagi kata kerja itu, kedua-dua terjemahan tersebut menggunakan perkataan yang sama. Namun, yang membezakannya ialah penambahan perkataan lain selain daripada kata asal bagi kata kerja perintah tersebut. Contohnya perkataan “اتَّقُوا” yang membawa makna asal iaitu “bertaqwa”. Kedua-dua penterjemah

menggunakan perkataan itu dalam terjemahan mereka. Tetapi penterjemah TPAR menambah perkataan lain bagi memudahkan pembaca memahaminya. Perkataan itu ditunjukkan pada ayat di bawah:

...وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِنِّي فَاتَّقُونَ ﴿٤١﴾

**TPAR: 41.** ... dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan Yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa.

**TFZQ:** ...dan janganlah kamu membeli ayat-ayatKu dengan harga yang murah dan bertaqwalah kepada Aku sahaja.

Begitu juga yang berlaku pada perkataan “تَمَنُّوا”. Namun, penterjemah TFZQ pula yang menambah perkataan lain pada perkataan asal berbanding penterjemah TPAR yang hanya menggunakan perkataan asal. Contohnya ayatnya adalah seperti di bawah:

...فَتَمَنُّوا أَلْمَوْتَ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾

**TPAR: 94.** ... maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang Yang benar".

**TFZQ:** ... maka hendaklah kamu bercita-cita mati jika kamu benar beriman".

Kesimpulannya, terdapat lapan perbezaan di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ. Kedua-duanya menggunakan pendekatan terjemahan komunikatif dan semantik pada tempat-tempat tertentu.

#### 4.2.1 (d) Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Sudasi

Perbezaan ini dilihat daripada aspek terjemahan kata kerja perintah yang terbina daripada enam huruf. Terjemahan-terjemahan itu pula akan dilihat dari sudut penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam menterjemahkan fi'l amr sudasi. Berikut adalah perbezaan-perbezaan yang wujud di antara kedua-dua kitab tafsir.

**Jadual 11: Perbezaan Penterjemahan Fi'l Amr Sudasi**

Bil.	Fi'il Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	اِسْتَعِيْنُوْا	Mintalah pertolongan	Pohonlah pertolongan	45
2	اِسْتَعِيْنُوْا	Mintalah pertolongan	Carilah pertolongan	153
3	اِسْتَعْفِرُوْا	beristighfarlah	Pohonlah keampunan	199

Jadual 11 menunjukkan perbezaan antara dua terjemahan yang dikaji pada kategori Fi'l Amr Sudasi. Hanya dua kata kerja yang terlibat dalam kategori ini iaitu “اِسْتَعِيْنُوْا” dan “اِسْتَعْفِرُوْا”. Perbezaan yang wujud di antara kedua-dua terjemahan itu ialah pada perkataan “mintalah” dan “pohonlah”. Ini bersesuaian dengan bentuk kata kerja ini iaitu Fi'l Sudasi yang salah satunya membawa makna “طَلَبَ” iaitu permohonan atau permintaan. Contoh yang dapat dilihat dalam ayat yang ke-45 itu adalah seperti di bawah:

وَاسْتَعِيْنُوْا بِالصَّبْرِ وَالصَّلٰوةِ وَاِنَّهَا لَكَبِيْرَةٌ اِلَّا عَلَى الْخٰشِعِيْنَ ﴿٤٥﴾

**TPAR:** 45. dan mintalah pertolongan (kepada Allah) Dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan Sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang Yang khusyuk;

**TFZQ:** dan pohonlah pertolongan (dari Allah) dengan bersabar dan (mendirikan) solat. Sesungguhnya solat itu amat berat melainkan bagi orang-orang yang khusyuk’.

Namun begitu, pada perkataan “اِسْتَعْفِرُوْا”, TPAR telah menggunakan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab iaitu “beristighfarlah” berbanding TFZQ yang menggunakan terjemahan “pohonlah keampunan” dalam ayat yang ke-199 seperti di bawah:

ثُمَّ أفيضوا من حيث أفاض الناس واستغفروا الله إرب الله غفورٌ رحيمٌ ﴿١٩٩﴾

**TPAR:** 199. selain dari itu hendaklah kamu bertolak turun dari (Arafah) tempat bertolaknya orang ramai, dan beristighfarlah kamu kepada Allah (dengan memohon ampun), Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

**TFZQ:** Kemudian hendaklah kamu bertolak dari (Arafah) tempat bertolaknya sekalian orang dan pohonlah keampunan dari Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

Kesimpulannya, terdapat tiga perbezaan di antara terjemahan TPAR dengan terjemahan TFZQ dalam kategori ini. Dua daripada perbezaan itu merupakan perkataan yang sama tetapi diterjemahkan secara berlainan dalam ayat yang berlainan. Ini menunjukkan kedua-dua penterjemah menterjemah mengikut konteks ayat.

#### 4.2.2 Perbezaan Penterjemahan La An-Nahiyatt

Perbezaan pada kategori ini dilihat pada perkataan yang hadir selepas La An-Nahiyatt iaitu fi'l mudhari'. Ini kerana La An-Nahiyatt sememangnya diterjemahkan sebagai "janganlah". Jadi perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua kitab tafsir itu akan dilihat pada terjemahan ayat-ayat yang mengandungi La An-Nahiyatt dengan fi'l mudhari'. Berikut adalah perbezaan-perbezaan tersebut.

**Jadual 12: Perbezaan Penterjemahan La An-Nahiyatt**

Bil.	La An-Nahiyatt	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	لَا تُفْسِدُوا	Janganlah kamu membuat bencana	Janganlah kamu melakukan kerosakan	11
2	لَا تَلْبِسُوا	Janganlah kamu campur adukkan	Janganlah kamu kelirukan	42

3	لَا تَعْتَدُوا	Janganlah kamu merebakkan	Janganlah kamu menceroboh	60
4	لَا تَقُولُوا	Janganlah kamu mengatakan	Janganlah kamu berkata	104
5	لَا تَتَّبِعُوا	Janganlah kamu ikut	Janganlah kamu mengikut	168
6	لَا تُبَاشِرُوا	Janganlah kamu setubuhi	Janganlah kamu mengadakan hubungan kelamin	187
7	لَا تَقْرَبُوا	Janganlah kamu menghampiri	Janganlah kamu dekati	187
8	لَا تُلْقُوا	Janganlah kamu sengaja mencampakkan	Janganlah kamu campakkan	195
9	لَا تَخْلِقُوا	Janganlah kamu mencukur	Janganlah kamu mencukurkan	196
10	لَا تَقْرَبُواهُمْ	Janganlah kamu hampiri mereka	Janganlah kamu dekati mereka	222
11	لَا تَعْصُوا	Janganlah kamu menahan	Janganlah kamu halangi	232
12	لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ	Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita	Janganlah seseorang ibu dijadikan menderita	233
13	لَا تُؤَاعِدُوا	Janganlah kamu membuat janji	Janganlah kamu membuat perjanjian	235
14	لَا تَعْزِمُوا	Janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh	Janganlah kamu berazam	235
15	لَا تَنْسُوا	Janganlah pula kamu lupa	Janganlah kamu lupa	237
16	لَا تُبْطِلُوا	Jangan rosakkan	Janganlah kamu menghapuskan	264
17	لَا تَيَمَّمُوا	Janganlah kamu sengaja memilih	Janganlah kamu sengaja mencari	267

18	لَا يَأْبُ كَاتِبٌ	Janganlah seorang penulis enggan	Janganlah penulis itu enggan	282
19	لَا تَسْتَمُوا	Janganlah kamu jemu	Janganlah kamu merasa jemu	282
20	لَا يُضَارُّ كَاتِبٌ	Janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan	Janganlah dilakukan apa-apa kesusahan kepada mana-mana penulis dan saksi	282
21	لَا تُؤَاحِدُنَا	Janganlah Engkau mengirakan kami salah	Janganlah Engkau mempersalahkan kami	286
22	لَا تُحْمِنَنَّ	Janganlah Engkau pikulkan	Janganlah Engkau bebankan	286

Jadual 12 menunjukkan perbezaan makna perintah dalam bentuk La An-Nahiyatt yang datang bersamanya fi'l mudari' (kata kerja kala kini). Seperti yang dibincangkan dalam jadual 5 di atas, La An-Nahiyatt telah disepakati oleh kedua-dua terjemahan tersebut bahawa La An-Nahiyatt itu diterjemahkan kepada “janganlah”. Cuma yang membezakannya adalah fi'l mudari' yang wujud selepas La An-Nahiyatt. Secara keseluruhannya, TPAR menggunakan pendekatan terjemahan komunikatif berbanding TFZQ yang menggunakan terjemahan semantik. Ini dapat dilihat pada ayat yang ke-264 pada perkataan “لَا تُبْطِلُوا” dalam surah Al-Baqarah. Allah berfirman:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تُبْطِلُوْا صَدَقٰتِكُمْ بِاَلْمٰنِ وَالْاَدۡمٰنِ ... ﴿٢٦٤﴾

**TPAR:** 264. *Wahai orang-orang Yang beriman! jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu Dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, ...*

**TFZQ:** *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menghapuskan pahala sedekah-sedekah kamu dengan perkataan yang membangkit-bangkit dan menyakiti hati ....*

Begitu juga yang berlaku pada perkataan “لَا تَعَزُّمُوا” seperti ayat di bawah:

**TPAR:** 235. ... dan janganlah kamu menetapkan Dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis idah Yang ditetapkan itu. ...

**TFZQ:** ... dan janganlah kamu berazam untuk ber'aqad nikah sehingga sampai 'iddah yang telah ditetapkan itu, ...

Kesimpulannya, terdapat 22 perbezaan terjemahan La An-Nahiyatt dalam terjemahan TPAR dan terjemahan TFZQ. Perbezaan pada La An-Nahiyatt ini bergantung kepada kata kerja yang hadir selepasnya yang membawa kepada makna larangan.

#### 4.2.3 Perbezaan Penterjemahan Ism Fi'l Makna Perintah

Perbezaan ini akan dilihat daripada kategori Ism Fi'l yang membawa makna perintah yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan-terjemahan ini akan dilihat perbezaannya mengikut penggunaan perkataan bahasa Melayu itu sendiri. Berikut adalah perbezaan-perbezaan yang terdapat pada terjemahan Ism Fi'l Makna Perintah.

**Jadual 13: Perbezaan Penterjemahan Ism Fi'l Makna Perintah**

Bil.	Ism Fi'il	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	كُتِبَ عَلَيْكُمْ	Diwajibkan kamu menjalankan	Kamu diwajib melaksanakan	178
2	كُتِبَ عَلَيْكُمْ	Kamu diwajibkan	Diwajibkan ke atas kamu	180
3	كُتِبَ عَلَيْهِمْ	Diwajibkan atas mereka	Diwajibkan ke atas mereka	246

Jadual 13 menunjukkan perbezaan di antara TPAR dengan TFZQ pada terjemahan Ism Fi'l dalam surah Al-Baqarah. Hanya terdapat tiga perbezaan terjemahan di antara kedua-duanya. Secara amnya, perbezaan-perbezaan itu hanya melibatkan kedudukan perkataan dalam ayat-ayat tersebut. Contohnya, dalam TPAR pada ayat yang

ke-178 dalam surah Al-Baqarah, Ism Fi'l itu diterjemahkan kepada “diwajibkan kamu menjalankan”, manakala dalam TFZQ pula diterjemahkan kepada “kamu diwajib melaksanakan”. Jadi, perkataan “diwajibkan” dalam TPAR telah di letakkan dalam kedudukan yang lain dalam TFZQ. Ayat-ayat itu adalah seperti berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِى الْقَتْلِ ۗ ... ﴿١٧٨﴾

**TPAR: 178.** *Wahai orang-orang Yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan Yang seimbang) Dalam perkara orang-orang Yang mati dibunuh ...*

**TFZQ:** *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajib melaksanakan hukuman qisas dalam kejadian orang-orang yang mati dibunuh, ...*

Begitu juga pada ayat yang ke-180 dalam surah Al-Baqarah. Allah berfirman:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۗ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

**TPAR: 180.** *kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat Dengan cara Yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang Yang bertaqwa.*

**TFZQ:** *Diwajibkan ke atas kamu apabila seseorang kamu didatangi (gejala-gejala) mati, jika ia meninggalkan harta yang banyak hendaklah ia berwasiat untuk ibu bapa dan kerabat-kerabatnya dengan suatu habuan kebaikan sebagai kewajipan kepada orang-orang yang bertaqwa.*

Kesimpulannya, terdapat tiga perbezaan terjemahan Ism Fi'l ini dalam terjemahan TPAR dan terjemahan TFZQ. Perbezaannya hanya berlaku pada kedudukan perkataan-perkataan tersebut.

#### 4.2.4 Perbezaan Penterjemahan La Al-Amr

Perbezaan terjemahan di antara kedua-dua kitab tafsir itu akan dilihat dari aspek La Al-Amr. Perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua kitab itu hanyalah sebanyak tiga perbezaan. Berikut adalah perbezaan-perbezaan itu.

**Jadual 14: Perbezaan Penterjemahan La Al-Amr**

Bil.	La Al-Amr	Terjemahan		No. Ayat
		TPAR	TFZQ	
1	فَلْيَسْتَجِيبُوا	Maka hendaklah mereka menyahut seruan	Oleh itu hendaklah mereka menyambut seruan	186
2	وَلْيَكْتُبْ	Maka hendaklah kamu menulis	Hendaklah ada seorang penulis di antara kamu yang mencatat	282
3	فَلْيُؤَدِّ	Hendaklah ia menyempurnakan	Hendaklah ia menunaikan	283

Jadual 14 menunjukkan perbezaan TPAR dengan TFZQ pada La Al-Amr. Dalam surah Al-Baqarah, terdapat tiga perkataan yang menggunakan La Al-Amr yang telah diterjemahkan di dalam TPAR dan TFZQ secara berbeza. Sebagai mana yang telah dibincangkan dalam topik persamaan pada La Al-Amr di atas, La Al-Amr telah hadir bersama fi'l mudari'. Maka kedua-dua terjemahan itu berbeza pada makna fi'l mudari' iaitu “يَسْتَجِيبُوا”, “يَكْتُبْ” dan “يُؤَدِّ”. Contohnya ialah pada perkataan pertama, TPAR telah menterjemahkannya sebagai “menyahut”, manakala dalam TFZQ pula menterjemahkannya sebagai “menyambut”. Ayat yang lengkap adalah seperti berikut: Allah berfirman dalam ayat yang ke-186:

... فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

**TPAR: 186.** ... maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.

**TFZQ:** ... oleh itu hendaklah mereka menyambut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku supaya mereka mendapat jalan yang benar.

Begitu juga dengan perkataan “فَلْيُؤَدِّ” dalam ayat di bawah:

... فَإِنَّ أَمِنْ بَعْضِكُمْ بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ الَّذِي أُؤْتِمِنَ أَمْنَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ ...

**283.** ... kemudian kalau Yang memberi hutang percaya kepada Yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) Yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang Yang diamanahkan kepadaNya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. ...

**TFZQ: ....** Dan jika kamu telah mempercayai terhadap satu sama lain, maka hendaklah orang yang dipercayai itu menunaikan amanahnya dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhan PemeliharaNya, ...

Kesimpulannya, terdapat tiga perbezaan pada terjemahan La Al-Amr dalam terjemahan TPAR dan terjemahan TFZQ. Perbezaan pada La Al-Amr wujud pada perkataan yang hadir bersamanya iaitu fi’l mudari’. Jadi kata kerja ini lah yang menentukan makna perkataan itu.

#### **4.3 Analisis Ketepatan Makna Perintah**

Bagi mencapai objektif yang ketiga dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan satu soal selidik di kalangan pakar bahasa Arab. Ini juga akan menjawab persoalan kajian yang ketiga. Soal selidik ini merangkumi sebahagian daripada data-data yang terdapat dalam kajian ini. Soal selidik ini juga dibuat berdasarkan skala Likert supaya tahap ketepatan dapat dinilai oleh pakar-pakar bahasa. Untuk mendapatkan gambaran soal selidik dengan lebih lanjut, pengkaji telah melampirkannya di bahagian lampiran dalam kajian ini.

Skala Likert berikut digunakan bagi mengukur tahap ketepatan terjemahan perkataan-perkataan yang terpilih. Skalanya adalah seperti berikut:

- 1 Paling Tidak Tepat
- 2 Tidak Tepat
- 3 Kurang Tepat
- 4 Tepat
- 5 Paling Tepat

#### 4.3.1 Terjemahan Fi'l Amr

Berikut adalah keputusan soal selidik tentang tahap ketepatan makna perintah yang terdapat dalam surah Al-Baqarah bagi dua terjemahan Al-Quran dalam bahasa Melayu iaitu Pimpinan Ar-Rahman dan Fi Zilal Al-Quran.

**Jadual 15- Tahap Ketepatan Terjemahan Fi'l Amr.**

BIL	DATA	PIMPINAN AR-RAHMAN					FI ZILAL AL-QURAN				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	أَعْبُدُوا	-	10%	20%	40%	20%	-	20%	20%	30%	30%
2	فَاتَوُوا	-	10%	20%	30%	40%	-	10%	10%	50%	20%
3	أَسْحُدُوا	-	20%	30%	30%	20%	-	10%	10%	40%	40%
4	أَذْكُرُوا	-	-	30%	50%	20%	-	-	30%	50%	20%
5	فَارْهَبُونِ	-	10%	-	30%	60%	-	-	50%	40%	10%
6	فَتُوبُوا	-	-	-	50%	40%	-	-	50%	20%	20%

7	كُلُوا	-	-	-	30%	70%	-	20%	40%	40%	-
8	وَقُولُوا	-	10%	20%	30%	20%	-	20%	10%	30%	20%
9	فَادَعُ	-	-	20%	40%	40%	-	-	20%	50%	30%
10	أَهْطُوا	-	20%	50%	20%	10%	-	-	10%	40%	50%
11	وَنَتَرِ	-	-	10%	90%	-	-	-	10%	20%	70%
12	وَعَاتُوا	-	20%	10%	50%	20%	-	-	10%	30%	60%
13	وَأَرِنَا	-	-	10%	50%	40%	-	-	40%	30%	30%
14	أَسْلِمَ	-	10%	40%	-	50%	-	-	-	90%	10%
15	بَشِرُوهُنَّ	-	-	50%	10%	40%	-	-	10%	70%	20%
16	أَنْفِقُوا	-	60%	20%	20%	-	-	-	-	40%	60%
17	وَاتَّقُوا	10%	10%	50%	20%	10%	-	-	10%	40%	50%
18	اتَّبِعُوا	-	-	50%	30%	20%	-	-	-	40%	60%
19	وَتَزَوَّدُوا	-	10%	40%	40%	10%	-	-	20%	30%	50%
20	أَسْتَعِينُوا	-	-	-	50%	50%	-	10%	40%	40%	10%
21	وَأَسْتَغْفِرُوا	-	10%	10%	60%	20%	-	-	10%	40%	50%
	Jumlah bilangan tertinggi	-	1	6	12	6	-	-	5	10	10

Jadual di atas menunjukkan sebahagian data kajian yang dikeluarkan bagi mewakili data-data yang terdapat dalam kajian ini. Data pertama di atas iaitu perkataan **أَعْبُدُوا** (terjemahan TPAR: beribadatlah / TFZQ: sembahlah) menunjukkan tahap ketepatan terjemahan dalam TPAR dengan TFZQ berbeza di antara satu sama lain. Jika dilihat pada terjemahan yang paling tepat (berada pada skala 5), pakar-pakar bahasa telah memilih terjemahan daripada TFZQ sebagai terjemahan yang paling tepat bagi perkataan tersebut. Bagi data kedua pula iaitu perkataan **فَأْتُوا** (terjemahan TPAR: cubalah buat dan datangkanlah / TFZQ: bawalah), terjemahan yang paling tepat ialah terjemahan daripada TPAR sebagaimana yang telah dipilih oleh pakar-pakar bahasa. Peratusannya yang berada pada skala 5 adalah lebih tinggi berbanding TFZQ. Data ketiga pula iaitu **أَسْجُدُوا** (terjemahan TPAR: tunduklah / TFZQ: sujudlah) menunjukkan terjemahan daripada TFZQ telah dipilih oleh pakar-pakar bahasa sebagai terjemahan yang paling tepat dengan peratusannya sebanyak 40% berbanding TPAR yang peratusannya hanya 20% yang berada pada skala 5. Data keempat pula iaitu **أَذْكُرُوا** (terjemahan TPAR: kenangkanlah / TFZQ: kenangilah) mencatatkan bahawa kedua-dua terjemahan itu memiliki tahap ketepatan yang sama sebagaimana yang telah dipilih oleh pakar-pakar bahasa iaitu 20% berada pada tahap 5 (paling tepat) dan 50% berada pada tahap 4 (tepat). Ini menunjukkan peratus yang paling tinggi berada pada tahap 4 bagi perkataan tersebut. Data kelima iaitu **ارْهَبُوا** (terjemahan TPAR: hendaklah kamu merasa gerun takut / TFZQ: takutlah) menunjukkan terjemahan yang paling tepat adalah berada pada terjemahan TPAR. Pakar-pakar bahasa iaitu seramai 60% telah memilih terjemahan daripada TPAR sebagai yang paling tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ yang mencatatkan peratusannya 10%. Data keenam pula iaitu **تُؤْتُوا** (terjemahan TPAR: bertaubatlah / TFZQ: taubatlah)

menunjukkan terjemahan daripada TPAR lebih tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ memandangkan peratusan pada tahap 5 bagi TPAR lebih tinggi berbanding peratusan bagi TFZQ. Data ketujuh pula iaitu كَلُوا (terjemahan TPAR: makanlah / TFZQ: silalah makan) mencatatkan terjemahan daripada TPAR lebih tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ. Hampir semua pakar bahasa yang terlibat dalam soal selidik ini bersetuju bahawa terjemahan daripada TPAR bagi perkataan ini adalah paling tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ yang tiada pemilihan daripada pakar bahasa yang menunjukkan terjemahan itu berada pada skala 5.

Data kelapan iaitu قُولُوا (terjemahan TPAR: berkata / TFZQ: berdoalah) pula menunjukkan peratusan yang sama bagi kedua-dua terjemahan itu yang mencatatkan 20% berada pada tahap yang paling tepat dan 30% berada pada tahap tepat walaupun kedua-dua terjemahan itu berbeza. Data kesembilan pula iaitu اُدْعُ (terjemahan TPAR: pohonkanlah / TFZQ: pohonlah) mencatatkan peratusan yang lebih tinggi pada tahap 5 memihak kepada terjemahan daripada TPAR iaitu sebanyak 40% berbanding terjemahan daripada TFZQ yang menunjukkan peratusannya sebanyak 30%. Data kesepuluh pula iaitu اِهْبِطُوا (terjemahan TPAR: turunlah / TFZQ: masuklah) menunjukkan terjemahan daripada TFZQ memiliki peratusan yang lebih tinggi berbanding terjemahan daripada TPAR bagi skala 5. Ini menjelaskan bahawa terjemahan daripada TFZQ bagi perkataan ini adalah lebih tepat berbanding terjemahan daripada TPAR. Data kesebelas iaitu بَشِّرْ (terjemahan TPAR: berilah khabar gembira / TFZQ: sampaikanlah berita gembira) juga menunjukkan peratusan yang paling tinggi yang berada pada skala 5 dimiliki oleh terjemahan daripada TFZQ iaitu sebanyak 70%. Manakala bagi terjemahan daripada TPAR, peratusan pada skala 5 adalah 0%. Ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan

daripada TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan daripada TPAR pada perkataan yang kesebelas ini.

Data yang kedua belas pula iaitu **ءَأْتُوا** (terjemahan TPAR: keluarkanlah / TFZQ: tunaikanlah) juga mencatatkan bahawa terjemahan daripada TFZQ memiliki peratusan yang lebih tinggi daripada terjemahan TPAR bagi skala 5 iaitu 60% berbanding 20%. Ini menunjukkan bahawa pakar-pakar bahasa yang terlibat dengan kajian ini telah memilih terjemahan daripada TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan daripada TPAR bagi perkataan ini. Data yang ketiga belas pula iaitu **أَرِّ** (terjemahan TPAR: tunjukkanlah / TFZQ: tunjukkan) menunjukkan yang sebaliknya. Terjemahan daripada TPAR memiliki peratusan yang lebih tinggi berbanding terjemahan daripada TFZQ pada skala 5 dengan peratusnya 40% berbanding 30%. Jadi, jelas di sini bahawa terjemahan daripada TPAR lebih tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ. Selepas itu, data keempat belas iaitu **أَسْلِمِ** (terjemahan TPAR: serahkanlah diri / TFZQ: islamlah) mencatatkan terjemahan daripada TPAR lebih tepat daripada terjemahan TFZQ. Ini dapat dilihat daripada jadual di atas yang menunjukkan peratus terjemahan TPAR pada skala 5 adalah lebih tinggi berbanding terjemahan TFZQ dengan peratusnya 50% berbanding 10%. Data kelima belas pula iaitu **بَاشِرُوا** (terjemahan TPAR: setubuhilah / TFZQ: lakukanlah hubungan kelamin) menunjukkan terjemahan TPAR memiliki peratus yang lebih tinggi iaitu 40% pada skala 5 berbanding terjemahan TFZQ yang memiliki peratus yang lebih rendah iaitu 20%. Namun begitu, ramai pakar bahasa menyatakan bahawa terjemahan daripada TPAR itu kurang tepat iaitu berada pada skala 3, manakala terjemahan daripada TFZQ pula berada pada skala 4 (tepat).

Data yang keenam belas pula iaitu أَنْفِقُوا (terjemahan TPAR: sebariskanlah / TFZQ: belanjakanlah) mencatatkan bahawa terjemahan daripada TFZQ memiliki peratusan yang lebih tinggi pada skala 5 (paling tepat) iaitu 60%, manakala bagi terjemahan TPAR, tiada pakar bahasa yang menyatakan bahawa terjemahan itu berada pada tahap paling tepat. Bahkan kebanyakan daripada mereka mengatakan terjemahan TPAR itu berada pada tahap 2 iaitu tidak tepat. Ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR pada perkataan ini. Data ketujuh belas iaitu اتَّقُوا (terjemahan TPAR: peliharalah / TFZQ: takutilah) pula juga menunjukkan bahawa terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR. Ini dapat dibuktikan daripada pemilihan oleh pakar-pakar bahasa bagi menentukan ketepatan terjemahan itu. Peratus terjemahan TFZQ lebih tinggi berbanding terjemahan TPAR pada skala 5 iaitu 50% berbanding 10%. Data kelapan belas pula iaitu اتَّبِعُوا (terjemahan TPAR: turutlah / ikutilah) menunjukkan hal yang sama sekali lagi berlaku pada terjemahan TFZQ. Terjemahan TFZQ memiliki peratus yang lebih tinggi berbanding terjemahan TPAR bagi skala 5 iaitu 60% berbanding 20%. Ini bermakna terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR bagi perkataan ini. Data kesembilan belas iaitu تَزَوَّدُوا (terjemahan TPAR: hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya / TFZQ: hendaklah kamu mengadakan bekalan) pula menunjukkan terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR memandangkan peratus yang lebih tinggi ditunjukkan oleh terjemahan TFZQ bagi skala 5. Data kedua puluh iaitu اسْتَعِينُوا (terjemahan TPAR: mintalah pertolongan / TFZQ: carilah pertolongan) pula berlaku sebaliknya. Terjemahan daripada TPAR memiliki peratus yang lebih tinggi berbanding terjemahan TFZQ pada skala 5 iaitu 50% berbanding 10%. Ini menunjukkan terjemahan TPAR lebih tepat

berbanding terjemahan TFZQ. Manakala bagi data kedua puluh satu iaitu **اسْتَعْفِرُوا** (terjemahan TPAR: beristighfarlah / TFZQ: pohonlah keampunan), terjemahan TFZQ pula mencatatkan peratus yang lebih tinggi berbanding terjemahan TPAR sekali gus menunjukkan ketepatan yang lebih tinggi dimiliki oleh terjemahan TFZQ.

Secara keseluruhannya, terjemahan Fi'l Amr dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman berada pada tahap 4 jika dilihat di dalam jadual di atas. Manakala Tafsir Fi Zilal Al-Quran pula berada pada tahap 4 dan 5. Tahap 4 bermaksud terjemahan itu telah diterjemahkan dengan tepat, manakala tahap 5 pula bermaksud terjemahan itu diterjemahkan dengan paling tepat. Namun begitu, ada juga perkataan yang diterjemahkan berada pada tahap 2 dan 3, iaitu tahap yang menunjukkan terjemahan itu tidak tepat dan kurang tepat. Tahap 2 berlaku kepada data yang ke-16 pada Pimpinan Ar-Rahman.

Walau bagaimana pun, keadaan ini jarang-jarang berlaku memandangkan hanya satu data yang berlaku daripada 21 data-data dalam Fi'l Amr di atas. Ini menunjukkan bahawa penterjemah itu lebih mengutamakan makna yang tersirat dalam ayat tersebut.

### 4.3.2 Terjemahan La An-Nahiyatt

Seterusnya adalah keputusan soal selidik bagi melihat tahap ketepatan terjemahan La An-Nahiyatt di dalam kedua-dua terjemahan Melayu yang dikaji. Keputusannya adalah seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 16- Tahap Ketepatan Terjemahan La An-Nahiyatt**

BIL	DATA	PIMPINAN AR-RAHMAN					FI ZILAL AL-QURAN					
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	

<u>1</u>	لَا تُفْسِدُوا	-	-	40%	60%	-	-	-	-	40%	60%
<u>2</u>	وَلَا تَلْسُوا	-	-	10%	30%	60%	-	10%	20%	70%	-
<u>3</u>	وَلَا تَعْتُوا	10%	10%	40%	10%	30%	-	10%	20%	70%	-
<u>5</u>	لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ	-	20%	-	60%	20%	-	-	50%	30%	20%
<u>6</u>	وَلَا تَعَزِّمُوا	-	30%	20%	50%	-	-	-	20%	30%	50%
<u>7</u>	لَا تَطْلُبُوا	-	-	20%	40%	40%	-	-	30%	50%	20%
<u>8</u>	وَلَا تَتَمَمُوا	-	-	20%	60%	20%	-	-	40%	20%	40%
<u>9</u>	وَلَا تَحْمِلْنَا	-	10%	40%	40%	10%	-	-	-	30%	70%
	Jumlah bilangan tertinggi	-	-	2	6	2	-	-	2	3	4

Jadual 16 menunjukkan sebahagian data yang dikeluarkan daripada data-data kajian yang berada dalam kategori La An-Nahiyatt. Data pertama iaitu لَا تُفْسِدُوا (terjemahan TPAR: janganlah kamu membuat bencana / TFZQ: janganlah kamu melakukan kerosakan) menunjukkan bahawa terjemahan daripada TFZQ memiliki peratus yang lebih tinggi berbanding terjemahan daripada TPAR pada skala 5 iaitu yang bermaksud “paling tepat”. Kebanyakan daripada pakar-pakar bahasa menyatakan bahawa terjemahan TFZQ pada perkataan ini memiliki ketepatan yang paling tinggi. Manakala

bagi terjemahan TPAR pula, ramai pakar bahasa menyatakan bahawa terjemahan itu berada pada tahap tepat sahaja. Data kedua pula iaitu لَا تَلْبِسُوا (terjemahan TPAR: janganlah kamu campur adukkan / TFZQ: janganlah kamu kelirukan) menunjukkan perkara yang sebaliknya telah berlaku. Pakar-pakar bahasa telah menyetujui bahawa terjemahan daripada TPAR bagi perkataan ini adalah paling tepat berbanding terjemahan daripada TFZQ yang hanya berada pada skala 4. Ini dapat dibuktikan melalui peratus yang lebih tinggi berada pada skala 5 bagi terjemahan TPAR dan pada skala 4 bagi terjemahan TFZQ.

Pada data ketiga iaitu لَا تَعْتَوْا (terjemahan TPAR: janganlah kamu merebakkan / TFZQ: janganlah kamu mencero boh) pula, pakar-pakar bahasa tidak memilih terjemahan daripada TFZQ sebagai terjemahan yang paling tepat, bahkan majoriti daripada mereka memilih terjemahan ini sebagai terjemahan tepat. Manakala, bagi terjemahan TPAR, 30% daripada pakar-pakar bahasa telah memilih terjemahan ini sebagai terjemahan yang paling tepat. Namun begitu, 40% daripadanya mengatakan bahawa terjemahan ini kurang tepat. Ini dapat disimpulkan bahawa terjemahan TFZQ lebih tepat ekoran daripada peratusnya yang tinggi berada pada tahap 4 iaitu 70%. Data kelima iaitu لَا تُضَارَّ (terjemahan TPAR: janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita / TFZQ: janganlah seseorang ibu dijadikan menderita) menunjukkan bahawa kedua-dua terjemahan memiliki peratus yang sama pada skala 5 iaitu 20%. Namun begitu, terjemahan TPAR memiliki peratus yang agak tinggi pada skala 4 iaitu 60% berbanding terjemahan TFZQ dengan peratusnya sebanyak 30%. Ini menunjukkan terjemahan TPAR pada perkataan ini lebih tepat berbanding terjemahan TFZQ. Data keenam iaitu لَا تَعَزُّمُوا (terjemahan TPAR: janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh / TFZQ: janganlah kamu berazam) pula menunjukkan terjemahan daripada TFZQ telah dipilih oleh pakar-pakar

bahasa sebagai terjemahan yang paling tepat memandangkan peratusnya yang tinggi iaitu 50%. Manakala bagi terjemahan TPAR, mereka telah memilihnya sebagai terjemahan yang tepat memandangkan peratus pada skala 4 menunjukkan nilai yang paling tinggi iaitu 50%.

Pada data ketujuh iaitu لَا تُبْطِلُوا (terjemahan TPAR: jangan rosakkan / TFZQ: janganlah kamu menghapuskan), terjemahan daripada TPAR memiliki peratus yang lebih tinggi berbanding terjemahan daripada TFZQ pada skala 5 iaitu 40% berbanding 20%. Ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan TPAR bagi perkataan ini adalah lebih tepat berbanding terjemahan TFZQ. Data kelapan iaitu لَا تَيْمَمُوا (terjemahan TPAR: janganlah kamu sengaja memilih / TFZQ: janganlah kamu sengaja mencari) pula menunjukkan peratus yang lebih tinggi pada skala 5 berada pada terjemahan daripada TFZQ dengan peratusnya sebanyak 40% berbanding terjemahan TPAR yang peratusnya sebanyak 20%. Ini memberi makna bahawa terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR bagi perkataan ini. Data kesembilan pula iaitu لَا تُحْمَلْ (terjemahan TPAR: janganlah engkau pikulkan / TFZQ: janganlah engkau bebankan) jelas menunjukkan penguasaan terjemahan TFZQ dengan peratusnya yang tinggi berada pada skala 5 iaitu sebanyak 70%. Ini menunjukkan bahawa terjemahan TFZQ memiliki terjemahan yang paling tepat. Manakala bagi terjemahan TPAR, tahap 4 telah dipilih oleh pakar-pakar bahasa bagi terjemahan perkataan ini. Jadi, terjemahan TFZQ lebih tepat berbanding terjemahan TPAR.

Secara keseluruhannya, terjemahan La An-Nahiyatt dalam terjemahan Pimpinan Ar-Rahman berada pada tahap 4 iaitu menunjukkan makna tepat. Manakala terjemahan La An-Nahiyatt dalam terjemahan Fi Zilal Al-Quran pula berada pada tahap 5 jika dilihat kekerapan yang tertinggi dalam jadual di atas. Situasi ini berlaku hampir sama dengan

kategori Fi'l Amr yang dibincangkan sebelum ini. Tetapi, terjemahan La An-nahiyatt ini tidak berada pada tahap 2, bahkan hanya sedikit sahaja yang berada pada tahap 3. Ini menunjukkan bahawa terjemahan La An-Nahiyatt bagi kedua-dua terjemahan ini adalah hampir tepat mengikut pandangan pakar-pakar bahasa.

### 4.3.3 Terjemahan La Al-Amr

Berikutnya adalah keputusan bagi tahap ketepatan terjemahan La Al-Amr yang terdapat dalam surah Al-Baqarah yang telah diterjemahkan oleh penterjemah Pimpinan Ar-Rahman dan penterjemah Fi Zilal Al-Quran dalam bahasa Melayu. Data-datanya adalah seperti berikut:

**Jadual 17- Tahap Ketepatan Terjemahan La Al Amr**

BIL	DATA	PIMPINAN AR-RAHMAN					FI ZILAL AL-QURAN				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	فَلْيَسْتَجِيبُوا	-	10%	20%	20%	50%	-	-	20%	50%	30%
2	وَلْيَكْتُبْ	10%	10%	50%	20%	10%	-	-	10%	30%	60%
3	فَلْيُؤَدِّ	10%	-	40%	50%	-	10%	-	10%	30%	50%
	Jumlah bilangan tertinggi			1	1	1				1	2

Jadual 17 menunjukkan tahap ketepatan yang ditandakan oleh pakar-pakar bahasa bagi kategori La Al-Amr. Hanya tiga perkataan sahaja yang dijumpai dalam kategori ini. Bagi terjemahan Pimpinan Ar-Rahman, ketiga-tiga data di atas memiliki tahap yang berlainan. Jika dilihat peratus kekerapan data 1 iaitu فَلْيَسْتَجِيبُوا (terjemahan TPAR: maka

hendaklah mereka menyahut seruan / TFZQ: oleh itu hendaklah mereka menyambut seruan), data 1 berada pada tahap yang paling tinggi iaitu tahap 5. Namun begitu, data 2 iaitu **وَلْيَكْتُبْ** (terjemahan TPAR: maka hendaklah kamu menulis / TFZQ: hendaklah ada seorang penulis di antara kamu yang mencatat) dan data 3 iaitu **فَلْيُؤَدِّ** (terjemahan TPAR: hendaklah ia menyempurnakan / TFZQ: hendaklah ia menunaikan) pula masing-masing berada pada tahap 3 dan tahap 4. Ini menunjukkan bahawa terjemahan-terjemahan tersebut tidak berada seiringan antara satu sama lain. Bagi terjemahan Fi Zilal Al-Quran pula, dua daripada tiga data tersebut berada pada tahap 5, manakala satu data lagi berada pada tahap 4. Ini jelas menunjukkan bahawa terjemahan-terjemahan tersebut hampir diterjemahkan secara selari dari segi kaedah penterjemahan.

Walau bagaimana pun, salah seorang daripada pakar bahasa telah menandakan data 3 pada tahap 1, iaitu tahap paling tidak tepat. Beliau menyatakan bahawa perkataan **“فَلْيُؤَدِّ”** tidak perlu diterjemahkan kata gantinya iaitu “ia” kerana perkataan selepasnya sudah menunjukkan pelakunya iaitu **“الَّذِي”**.

#### 4.4 Ulasan

Bagi objektif pertama kajian ini, pengkaji telah membentangkan tentang persamaan terjemahan makna perintah bagi kedua-dua kitab tafsir tersebut. Persamaan ini timbul disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor perkataan yang biasa digunakan dalam terjemahan sesuatu perkataan itu. Ia bermaksud satu perkataan bahasa Arab itu memang sentiasa diterjemahkan dengan satu perkataan bahasa Melayu yang tertentu. Contohnya perkataan **أَدْخُلْ** selalunya diterjemahkan kepada “masuklah” dalam bahasa Melayu. Faktor inilah yang menyebabkan berlakunya persamaan di antara kedua-duanya. Antara faktor lain lagi ialah mengekalkan bunyi huruf bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Ini berlaku kepada perkataan **أَشْكُرُوا** yang diterjemahkan kepada “bersyukurlah”. Jadi, perkataan “syukur” merupakan bahasa pinjaman daripada bahasa Arab.

Bagi objektif kedua pula, perbezaan di antara kedua-dua kitab ini amat ketara sekali dari segi jumlah perbezaan pada terjemahan makna perintah. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor strategi penterjemahan yang digunakan dalam terjemahan masing-masing. Jika dilihat secara keseluruhan, terjemahan TFZQ lebih mementingkan makna yang ingin disampaikan kepada pembaca. Contohnya ialah pada perkataan **إِهْبِطُوا** yang diterjemahkan kepada “masuklah” oleh TFZQ sedangkan makna asal bagi perkataan itu ialah “turun”. Manakala bagi terjemahan TPAR pula, ia lebih kepada terjemahan secara langsung. Contohnya ialah perkataan **اسْمَعُوا** yang diterjemahkan sebagai “dengarlah” sedangkan TFZQ pula menterjemahkannya sebagai “patuhilah”.

Bagi objektif ketiga, ketepatan terjemahan makna perintah telah ditentukan oleh sekumpulan pakar bahasa. Terjemahan yang paling tepat banyak memihak kepada terjemahan TFZQ. Contohnya ialah perkataan بَشِّرْ yang diterjemahkan kepada “sampaikanlah berita gembira” oleh TFZQ manakala TPAR pula menterjemahkannya kepada “berilah berita gembira”. Kedua-dua terjemahan itu memiliki maksud yang sama iaitu berita gembira. Namun begitu, perkataan sebelumnya yang menentukan tahap ketepatan terjemahan. Jadi, pakar-pakar bahasa telah memilih terjemahan TFZQ sebagai terjemahan yang paling tepat bagi perkataan ini kerana “sampaikanlah” lebih sesuai digunakan untuk menyebarkan berita gembira berbanding “berilah”. Namun begitu, ada juga terjemahan yang paling tepat memihak kepada terjemahan TPAR seperti pada perkataan ارْهَبُوا yang diterjemahkan kepada “hendaklah kamu merasa gerun”. Pakar-pakar bahasa telah memilih terjemahan ini sebagai yang paling tepat berbanding terjemahan TFZQ yang menggunakan terjemahan “takutlah”. Hal ini berlaku kerana terjemahan daripada TPAR merupakan terjemahan yang lebih memberi kesan kepada pembaca berbanding terjemahan TFZQ. Ini dinamakan terjemahan dinamis (Nida, 1964). Walau bagaimana pun, ada satu perkataan yang diterjemahkan secara tidak tepat iaitu berada pada skala 2 mengikut pendapat pakar-pakar bahasa. Perkataan itu ialah أَنْفِقُوا yang diterjemahkan oleh TPAR sebagai “sebarikanlah”. Perkataan أَنْفِقُوا sememangnya diterjemahkan sebagai “infaq” dalam kebanyakan terjemahan bahasa Melayu. Jadi jelas di sini bahawa terjemahan itu tidak menepati kriteria terjemahan tepat oleh pakar-pakar bahasa.

## 4.5 Penutup

Secara ringkasnya, pengkaji telah membentangkan persamaan dan perbezaan di antara terjemahan Pimpinan Ar-Rahman dengan terjemahan Fi Zilal Al-Quran dari aspek makna perintah. Pengkaji juga telah membentangkan analisis tahap ketepatan terjemahan makna perintah bagi kedua-dua terjemahan itu. Dari sudut persamaan, terdapat 80 perkataan yang memiliki terjemahan yang sama dalam kedua-dua terjemahan itu. Manakala dari sudut perbezaan pula, terdapat 103 perkataan yang berbeza terjemahannya di antara kedua-duanya. Jadi, jumlah data daripada Al-Quran yang digunakan dalam kajian ini ialah sebanyak 183 perkataan yang membawa makna perintah.

Bagi analisis ketepatan terjemahan, pakar-pakar bahasa telah menentukan tahap ketepatan bagi sebahagian perkataan-perkataan yang dikaji. Secara keseluruhannya, terjemahan-terjemahan itu berada di tahap 4 dan 5 walaupun terdapat beberapa perkataan yang berada di tahap yang lebih rendah.